

# 21 Februari 2025 pengurusan kes lelaki mengaku tidak bersalah bunuh tanpa niat

**MIRI:** Mahkamah Sesyen menetapkan 21 Februari tahun depan sebagai tarikh pengurusan kes seorang lelaki yang mengaku tidak bersalah atas tuduhan melakukan pembunuhantapaniathingga menyebabkan kematian seorang lelaki warga emas.

Manakala perbicaraan lanjut pula ditetapkan pada

10 dan 11 Julai tahun depan.

Penetapan tarikh itu dibuat Hakim Azreena Aziz setelah tertuduh mengekalkan pengakuan tidak bersalahnya atas tuduhan tersebut.

Fellip Jelawi, 28, dari Kampung Senadin Jaya, Jalan Lutong-Miri di sini telah didakwa mengikut Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan yang

boleh membawa hukuman penjara 30 tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa melakukan pembunuhan tanpa niat hingga menyebabkan kematian Dari Jimbun, 61.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9.30

malam, 21 September tahun ini di sebuah lot di Lorong Senadin 2R-4B di sini.

P e n d a k w a a n k e s dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Jonathan Lim manakala tertuduh yang tidak diwakili peguam bela diperintahkan supaya ditahan lanjut sementara menunggu tarikh tersebut.